

23 OCT 1998

BELANJAWAN-LEBIHAN AKTUARI/I

CUKAI KE ATAS LEBIHAN AKTUARI AKAN DIPINDAHKAN KEPADA DANA PEMEGANG SAHAM

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Kerajaan, dalam usaha menggalakkan pemegang saham mengekalkan lebih aktuari mereka dalam Kumpulan Wang Hayat bagi membangunkan industri insurans hayat, telah mencadangkan layanan cukai pendapatan ke atas lebih aktuari yang diagihkan kepada Kumpulan Wang Pemegang Saham ditukar daripada prinsip terakru kepada pengagihan sebenar.

Cadangan itu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad di Dewan Rakyat hari ini, akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1999.

Daripada tahun taksiran 1995, sesebuah syarikat insurans hayat adalah dikenakan cukai pendapatan secara berasingan ke atas Kumpulan Wang Hayat (lapan peratus) dan Kumpulan Wang Pemegang Saham (28 peratus).

Selain daripada itu, lebih aktuari yang diagihkan daripada Kumpulan Wang hayat kepada Kumpulan Wang Pemegang Saham dikenakan cukai berdasarkan lebih aktuari yang boleh diagihkan (terakru) seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Insurans 1996 dan bukan berdasarkan lebih aktuari yang sebenarnya dipindahkan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata adalah diperhatikan bahawa layanan cukai ke atas lebih aktuari berdasarkan prinsip terakru telah tidak menggalakkan pemegang saham mengekalkan lebih yang boleh diagihkan di dalam Kumpulan Wang Hayat. -- BERNAMA

MK ZK OS